



**PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN
MALAYSIA (SPKM) BERASASKAN KREDIT**

1 NOVEMBER 2019

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MALAYSIA**

KANDUNGAN

TUJUAN	3
TAFSIRAN	3
SENARAI RINGKASAN	5
LATAR BELAKANG	6
POLISI PELAKSANAAN KREDIT	7
TARIKH KUAT KUASA	15

SENARAI JADUAL DAN LAMPIRAN

Jadual 1	Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Setiap Tahap Bagi Pelaksanaan Kredit Melalui Kaedah SLaPB.	8
Jadual 2	Tempoh Latihan Program Secara Mengikut Tahap (<i>Multi - Tier</i>) – Lampiran A	15
Jadual 3	Tempoh Latihan Program Persijilan Tahap Tunggal (<i>Single Tier – ST</i>) – Lampiran A	16
Jadual 4	Peratusan Julat Masa Bagi Aktiviti Terpandu/ Bersemuka, Kendiri dan Penilaian	9
Jadual 5	Contoh Pengiraan Bagi Penetapan Masa Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian – Lampiran A	
Jadual 6	Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Projek Akhir	11
Jadual 7	Wajaran Komponen dan Elemen Penilaian Berasaskan Kredit Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM)	12
Jadual 8	Ringkasan Wajaran Peratus Penilaian Mengikut Tahap	13
Jadual 9	Penggredan dan Pemarkahan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit	

PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) BERASASKAN KREDIT

TUJUAN

1. Panduan Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit ini bertujuan untuk menerangkan tentang polisi dan dasar pelaksanaan kredit di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) kepada kumpulan sasaran yang terdiri daripada penyedia latihan, pekerja dan pengamal industri, majikan dan mana-mana individu yang berminat. Panduan ini telah dibangunkan dengan mengambil kira keperluan *Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)* Sistem Akreditasi Tunggal TVET yang telah diluluskan Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019.

TAFSIRAN

2. Dalam panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Aktiviti pembelajaran sendiri” ertinya aktiviti pembelajaran tanpa pengawasan daripada pengajar. Contohnya, aktiviti ulangkaji (pembacaan dan persediaan untuk penilaian), tugas dan penulisan laporan.

“Aktiviti terpandu/bersemuka” ertinya aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan secara bersemuka di antara pelatih dan Pegawai Penilai. Contohnya aktiviti di dalam kelas (pembelajaran teori), bengkel (pembelajaran amali), aktiviti penyediaan projek dan latihan industri.

“Latihan industri” ertinya pendedahan industri dalam bidang pekerjaan berkaitan di organisasi yang menyediakan peluang kepada pelatih bagi mengaplikasikan apa yang telah mereka pelajari semasa latihan berkaitan dengan kerjaya/profesion mereka dalam suasana persekitaran kerja yang sebenar. Pelajar mempelajari tentang set kemahiran yang diperlukan, keperluan industri dan etika kerja. Mereka dilatih untuk menjadi pekerja terlatih bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka.

“Modul Penyedia TVET” ertinya satu unit pembelajaran atau latihan yang dilengkapkan oleh pelajar yang merangkumi sebahagian daripada kursus dan dianggap sebagai satu komponen yang membentuk kompetensi bagi bidang kemahiran sesuatu pekerjaan. Ia merupakan satu kumpulan kompetensi berkaitan kesedaran, pengetahuan, kemahiran dan sikap yang refleks kepada sesuatu bidang pekerjaan dan pelatih layak diberikan kredit di atas pencapaiannya. Modul ini merupakan modul tambahan yang ditawarkan oleh institusi sebagai nilai tambah kepada pelatih dan hendaklah dibangunkan berdasarkan pilihan berikut:

- (a) Mana-mana *Competency Unit (CU)* elektif (NOSS format CU) atau *Duty* (NOSS format *Duty/Task*) dalam kumpulan *Malaysian Standard Industrial Classification (MISC)* yang sama;
- (b) Kombinasi *Work Activities (WA)* daripada beberapa CU NOSS (NOSS format CU) atau *Task* (NOSS format *Duty/Task*) dalam kumpulan MSIC yang sama;
- (c) Mana-mana *National Competency Standard (NCS)* yang berkaitan dengan program yang ditawarkan;
- (d) Modul keusahawanan; atau
- (e) Mata pelajaran umum.

“Pendedahan industri” ertinya pengalaman pelatih yang diperolehi melalui lawatan lapangan di industri atau organisasi yang bersesuaian dengan bidang mereka.

“Penilaian” ertinya penilaian ke atas pelatih merangkumi penilaian berterusan dan penilaian akhir.

“Pembelajaran Kendiri” ertinya pembelajaran tanpa pengawasan daripada pengajar seperti ulangkaji, tugas dan penulisan laporan.

“Program Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier*)” ertinya suatu kaedah persijilan yang melibatkan pelaksanaan kombinasi dua (2) atau lebih program latihan kemahiran dalam laluan program tersebut.

“Program Modular” ertinya program yang terdiri daripada satu atau gabungan beberapa CU yang boleh membawa kepada penganugerahan Penyata Pencapaian (PC).

SENARAI RINGKASAN

CBT	<i>Competency Based Training</i>
COPTPA	<i>Code of Practice for TVET Programme Accreditation</i>
CU	<i>Competency Unit</i>
DKM	Diploma Kemahiran Malaysia
DLKM	Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia
NCS	<i>National Competency Standard</i>
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
PPL	Pegawai Pengesah Luaran
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia
SKKM	Sistem Kredit Kemahiran Malaysia
SLaPB	Sistem Latihan Program Bertauliah
SPKM	Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia

LATAR BELAKANG

3. SPKM yang mula diperkenalkan pada tahun 1993 adalah berkonsepkan Latihan Berasaskan Keterampilan (*Competency Based Training (CBT)*) di mana *National Occupational Skills Standard (NOSS)* digunakan sebagai asas untuk mengukur keterampilan dan pelatih dipersijilkan selepas dinilai "Terampil".
4. Selaras dengan keperluan semasa, SPKM telah ditambahbaik dengan pelaksanaan kredit di mana pencapaian pelatih diberikan nilai kredit dan gred bagi memperjelaskan tahap keterampilan yang dicapai. SPKM berasaskan kredit akan diguna pakai dalam pelaksanaan latihan melalui kaedah pentauliah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) supaya kelayakan yang dianugerahkan lebih diterima dan diiktiraf.
5. Penambahbaikan ini merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan oleh JPK bagi:
 - (a) meningkatkan kualiti dan keberkesanan pelaksanaan latihan kemahiran sedia ada;
 - (b) menyediakan laluan kerjaya yang lebih baik, fleksibel dan memberi peluang kepada pelatih/ individu untuk meningkatkan kepakaran dalam pelbagai bidang; dan
 - (c) memudahkan individu mendapatkan pengiktirafan.
6. Ciri-ciri pelaksanaan SPKM berasaskan kredit adalah seperti berikut:
 - (a) Menggunakan NOSS yang mempunyai ciri-ciri dinamik, fleksibel dan responsif;
 - (b) Membolehkan kelayakan diperolehi mengikut kesesuaian masa, tempat dan keupayaan individu;
 - (c) Menyediakan kaedah pembelajaran latihan yang fleksibel dalam bentuk sepenuh masa dan separuh masa bagi mendapatkan pengiktirafan kelayakan;
 - (d) Memberi nilai kredit kepada setiap kelayakan yang diiktiraf; dan

- (e) Menyimpan dan mengumpul kredit secara berterusan dengan menggunakan pangkalan data SKKM.
7. Objektif pelaksanaan kredit SPKM adalah untuk:
- (a) Mengukur pencapaian dan keterampilan pelatih dengan lebih jelas dan terperinci;
 - (b) Meningkatkan tahap penerimaan dan mobiliti pemegang SKM/DKM/DLKM;
 - (c) Menyediakan laluan kerjaya ke tahap yang lebih tinggi;
 - (d) Meningkatkan peluang artikulasi ke peringkat kelayakan yang lebih tinggi; dan
 - (e) Menggalak dan memperluaskan pembelajaran sepanjang hayat.
8. Kredit diberikan bagi setiap CU atau modul yang dilengkapkan oleh pelatih dan dinilai Terampil.
9. SPKM berasaskan kredit secara keseluruhannya diuruskan menggunakan Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM). Melalui aplikasi SKKM, perekodan penilaian dan penjanaaan gred mengikut CU atau modul serta pangkalan data persijilan dapat diuruskan secara sistematik dan efisien di samping memastikan kejayaan pelaksanaan kredit SPKM sepenuhnya.

POLISI PELAKSANAAN KREDIT

10. Polisi pelaksanaan kredit ditetapkan seperti berikut:

10.1 Nilai Kredit

- a. Nilai 1 kredit adalah bersamaan 40 jam *notional* dan jumlah kredit minimum menentukan norma tempoh latihan bagi setiap tahap.

- b. Struktur kurikulum program dibahagikan kepada tiga (3) bahagian iaitu Modul Wajib, Modul Teras dan Pendedahan / Latihan Industri seperti Jadual 1.
- c. Modul wajib terdiri daripada komponen *Core Abilities* dan Modul penyedia TVET yang melibatkan pelaksanaan program tahap 1 hingga 5.
- d. Modul teras adalah merujuk kepada kurikulum latihan berasaskan NOSS program berkenaan yang merangkumi sekurang-kurangnya 60 hingga 70 peratus komponen praktikal. Projek akhir adalah merupakan salah satu komponen Modul Teras bagi program tahap 4 dan 5.
- e. Pendedahan industri (PI) dilaksanakan pada program tahap 1 dan 2. Aktiviti ini tidak membawa sebarang nilai kredit. Latihan Industri (LI) dilaksanakan pada program tahap 3, 4 dan 5 dan memberi nilai kredit kepada pelatih.

Jadual 1: Struktur Kurikulum dan Nilai Kredit Setiap Tahap Bagi Pelaksanaan Kredit Melalui Kaedah SLaPB.

Kelayakan/ Tahap	Struktur Kurikulum	KREDIT MINIMUM	
		Tahap Tunggal	Mengikut Tahap
Sijil / Tahap 1	1. Modul Wajib (<i>Core Abilities</i> + Modul Penyedia TVET)		1 + 1
	2. Modul Teras (70% daripadanya mesti berorientasikan praktikal)	-	13
	3. Pendedahan Industri		0
	JUMLAH		15
Sijil/ Tahap 2	1. Modul Wajib (<i>Core Abilities</i> + Modul Penyedia TVET)	2 + 2	1 + 1
	2. Modul Teras (70% daripadanya mesti berorientasikan praktikal)	26	13
	3. Pendedahan Industri	0	0
	JUMLAH	30*	15
Sijil/ Tahap 3	1. Modul Wajib (<i>Core Abilities</i> + Modul Penyedia TVET)	4 + 2	2 + 2
	2. Modul Teras (70% daripadanya mesti berorientasikan praktikal)	48	20
	3. Latihan Industri (3-6 bulan)	6	6
	JUMLAH	60*	30
Diploma/ Tahap 4	1. Modul Wajib (<i>Core Abilities</i> + Modul Penyedia TVET)	6 + 3	2 + 3
	2. Modul Teras (60% daripadanya mesti berorientasikan praktikal termasuk projek akhir (PA))	79 (71 + 8 (PA))	23 (15 + 8 (PA))
	3. Latihan Industri (6 bulan)	12	12
	JUMLAH	100*	40
Diploma Lanjutan/ Tahap 5	1. Modul Wajib (<i>Core Abilities</i> + Modul Penyedia TVET)		2 + 6
	2. Modul Teras (60% daripadanya mesti berorientasikan praktikal termasuk projek akhir (PA))	-	20 (12 + 8 (PA))
	3. Latihan Industri (6 bulan)		12
	JUMLAH		40

*Kumulatif

10.2 Penetapan Julat Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Setiap CU / Modul Bagi Modul Teras

- a. Tempoh latihan yang ditetapkan bagi program mengikut tahap dan program persijilan tahap tunggal adalah seperti Jadual 2 dan 3 Lampiran A.
- b. Tempoh latihan Modul Teras hendaklah memenuhi peratusan julat masa yang ditetapkan merangkumi aktiviti terpandu/ bersemuka, sendiri dan penilaian seperti Jadual 4.

Jadual 4: Peratusan Julat Masa Bagi Aktiviti Terpandu/ Bersemuka, Kendiri dan Penilaian Bagi Modul Teras.

TAHAP	% Masa Aktiviti Pembelajaran & Penilaian Bagi Modul Teras (setiap CU atau Modul)			JUMLAH KESELURUHAN (%) (Bersemuka + Penilaian + Kendiri)
	AKTIVITI TERPANDU / BERSEMUKA	AKTIVITI PEMBELAJARAN KENDIRI	PENILAIAN	
1	60 - 95	0 – 20	5 – 20	100
2	60 - 95	0 – 20	5 – 20	100
3	60 - 90	5 – 25	5 – 15	100
4	35 - 60	10 – 50	10 – 30	100
5	35 - 50	10 – 60	10 – 30	100

- c. Jumlah julat peratusan tempoh pembelajaran hendaklah bersamaan 100% apabila ketiga-tiga komponen dijumlahkan (bersemuka + penilaian + sendiri = 100%). Contoh pengiraan bagi penetapan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian Modul Teras adalah seperti Jadual 5 Lampiran A.
- d. Program Persijilan Tahap Tunggal
Penetapan peratusan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian adalah merujuk kepada tahap bagi CU atau modul yang diambil di dalam kumpulan program bertauliah.

- e. Program Modular
Penetapan peratusan masa aktiviti pembelajaran dan penilaian adalah merujuk kepada tahap bagi CU yang diambil.
- f. Bagi program tahap 4 dan 5, penetapan peratusan masa untuk projek akhir adalah sama bagi semua program seperti Jadual 6.

Jadual 6: Peratusan Masa Aktiviti Pembelajaran Projek Akhir.

AKTIVITI PEMBELAJARAN	PERATUSAN (%)	JUMLAH JAM
Bersemuka	20	64
Penilaian		
Kendiri	80	256
JUMLAH	100	320

10.3 Penilaian

Penilaian SPKM berasaskan kredit ditetapkan seperti berikut:

- a. Penilaian mengikut *Competency Unit* (CU) bagi program menggunakan NOSS format CU.
- b. Penilaian mengikut Modul bagi program menggunakan NOSS format *Duti/Task*.
- c. Pelatih diberikan nilai kredit dan gred berdasarkan pencapaiannya setelah selesai latihan dan disahkan terampil.
- d. Secara amnya, komponen-komponen penilaian setiap program merangkumi penilaian kerja kursus, penilaian akhir, modul *Core Abilities*, modul Penyedia TVET, projek akhir dan pendedahan /latihan industri.
- e. Pusat Bertauliah hendaklah merancang pelaksanaan penilaian akhir teori dan praktikal melibatkan CU atau modul dominan untuk program tersebut semasa lawatan verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL) untuk tujuan penentusahan keterampilan pelatih.

Latihan melibatkan CU atau modul dominan berkenaan boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian dalam tempoh latihan.

10.4 Gred dan Pemarkahan

- a. Wajaran peratus komponen penilaian kerja kursus (*continuous*) dan penilaian akhir (*summative*) merangkumi elemen teori dan praktikal bagi setiap tahap, projek akhir dan latihan industri seperti Jadual 7.

Jadual 7: Wajaran Peratus Komponen Penilaian Kerja Kursus, Penilaian Akhir, Penilaian Teori dan Praktikal Bagi Tahap 1 hingga Tahap 5.

TAHAP	KOMPONEN (%)		ELEMEN (%)	
	Penilaian Kerja Kursus (<i>Continuous</i>)	Penilaian Akhir (<i>Summative</i>)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	Penilaian Prestasi (Praktikal)
Sijil / Tahap 1	70	30	30	70
Sijil / Tahap 2	70	30	30	70
Sijil / Tahap 3	70	30	30	70
Diploma / Tahap 4	60	40	40	60
Diploma Lanjutan / Tahap 5	60	40	40	60

Jadual 8: Ringkasan Wajaran Peratus Penilaian Mengikut Tahap.

BIL	KOMPONEN	ELEMEN	WAJARAN PERATUS PENILAIAN		
			TAHAP 1 & 2	TAHAP 3	TAHAP 4 & 5
1.	PENILAIAN KERJA KURSUS (<i>Continuous</i>)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	21	21	24
		Penilaian Prestasi (Praktikal)	49	49	36
		JUMLAH	70	70	60
2.	PENILAIAN AKHIR (<i>Summative</i>)	Penilaian Pengetahuan (Teori)	9	9	16
		Penilaian Prestasi (Praktikal)	21	21	24
		JUMLAH	30	30	40
	JUMLAH		100	100	100
3.	PROJEK AKHIR				100
4.	LATIHAN INDUSTRI			100	

- b. Penggredan dan pemarkahan SPKM berasaskan kredit ditetapkan seperti Jadual 8 dan 9. Markah lulus minimum bagi setiap elemen penilaian teori dan praktikal ialah 60% iaitu sekurang-kurangnya gred C.

Jadual 9: Penggredan dan Pemarkahan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit.

Gred	Nilai Kred	Julat Markah	Tahap Keterampilan
A	4.00	95.00 – 100.00	Terampil Cemerlang
A-	3.70	90.00 – 94.99	
B+	3.30	85.00 – 89.99	Terampil Baik
B	3.00	80.00 – 84.99	
B-	2.70	75.00 – 79.99	
C+	2.30	70.00 – 74.99	Terampil
C	2.00	60.00 – 69.99	
F	0	0 – 59.99	Belum Terampil

10.5 Pemakaian

- a. SPKM berasaskan kredit akan digunapakai dalam pelaksanaan latihan melalui kaedah Pentauliah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB).
- b. Fasa pertama (1 November 2019 hingga 31 Januari 2020)
Pengecualian diberikan bagi pelaksanaan Modul Penyedia TVET, Pendedahan Industri pada tahap 1 dan 2 serta Latihan Industri pada Tahap 3 (3 bulan)/Tahap 4 dan 5 (6 bulan). Namun begitu Pusat Bertauliah adalah digalakkan melaksanakan elemen-elemen ini sekiranya telah bersedia dan nilai kredit serta gred akan diberikan berdasarkan pencapaian pelatih.

Fasa kedua (bermula 1 Februari 2020)
Pelaksanaan sepenuhnya mengikut COPTPA.
- c. Pusat Bertauliah yang melaksanakan Penilaian Kendiri tertakluk kepada kelulusan yang diberikan.

TARIKH KUAT KUASA

11. Semua Pusat Bertauliah hendaklah mematuhi panduan ini bagi memastikan pelaksanaan kredit SPKM mengikut polisi dan dasar yang ditetapkan berkuat kuasa **1 November 2019**.
12. Justeru itu, Panduan Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit, rujukan JPK/700/5 JLD. 41 (44) bertarikh 1 Oktober 2019 dan surat pekeliling Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran Bil. 2/2015 bertarikh 29 Jun 2015 adalah **terbatal**.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran

Jadual 2: Tempoh Latihan Program Secara Mengikut Tahap (*Multi-Tier - MT*).

TAHAP	KREDIT	Tempoh Latihan		MT1	MT2	MT3*	MT4	MT5*	MT6	MT7*	MT8	MT9*	
		Jam	Bulan										
1	15	600	6	600 jam (6 bln)	T1	NOSS bermula T2	T1	NOSS bermula T3	T1	NOSS bermula T4	T1	NOSS bermula T5	
2	15	600	6		600 jam (6 bln)	1200 jam (1 thn)	T2		T2		T2		
3	30	1200	12				1200 jam (1 thn) termasuk Latihan Industri (3 bln)	2400 jam (2 thn) termasuk Latihan Industri (3 bln)	T3		T3		
4	40	1600	18						1600 jam (1.5 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)		4000 jam (3 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)		T4
5	40	1600	18										1600 jam (1.5 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)
KREDIT MINIMUM				15	30		60		100		140		
KELAYAKAN				SKM T1	SKM T2		SKM T3		DKM		DLKM		

*Bagi program melibatkan NOSS yang tidak bermula dengan tahap 1, tempoh latihan hendaklah mengambil kira tempoh latihan bermula tahap 1.

Jadual 3: Tempoh Latihan Program Persijilan Tahap Tunggal (*Single Tier - ST*).

TAHAP	KREDIT	Tempoh Latihan		ST1	ST2	ST3*	ST4	ST5*	ST6*	ST7
		Jam	Bulan							
1	30	1200	12	1200 jam (1 thn)	2400 jam (2 thn) termasuk Latihan Industri (3 bln)	NOSS bermula T2	4000 jam (3 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)	NOSS bermula T2	NOSS bermula T3	TAHAP 1
2						2400 jam (2 thn) termasuk Latihan Industri (3 bln)		4000 jam (3 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)		4000 jam (3 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)
3	60	2400	24						4000 jam (3 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)	2800 jam (2 thn) termasuk Latihan Industri (6 bln)
4	100	4000	36							
KREDIT MINIMUM				30	60		100			
KELAYAKAN				SKM TAHAP 2	SKM TAHAP 3		DKM TAHAP 4			

*Bagi program melibatkan NOSS yang tidak bermula dengan tahap 1, tempoh latihan hendaklah mengambil kira tempoh latihan bermula tahap 1.

Jadual 5: Contoh Pengiraan Bagi Penetapan Masa Aktiviti Pembelajaran dan Penilaian Modul Teras Bagi Program Tahap 1.

Kod CU / Modul	Jumlah Jam (Y)	% Masa Aktiviti Pembelajaran & Penilaian Modul Teras (setiap CU atau Modul)			JUMLAH KESELURUHAN (%) (Bersemuka + Penilaian + Kendiri)	Pecahan Masa (Jam)		
		AKTIVITI TERPANDU / BERSEMUKA	AKTIVITI PEMBELAJARAN KENDIRI	PENILAIAN		Bersemuka	Kendiri	Penilaian
		(A)	(B)	(C)		$(A/100) \times Y$	$(B/100) \times Y$	$(C/100) \times Y$
Kod NOSS – CO1	50	65	15	20	100	32.5	7.5	10
Kod NOSS – CO2	100	70	10	20	100	70	10	20
Kod NOSS – CO3	100	80	10	10	100	80	10	10
Kod NOSS – CO4	150	95	0	5	100	142.5	0	7.5